

→ AGAMA ←

SEMINAR FATWA ANTARABANGSA

[FOTO: WAN NUR AMIRAH WAN MOHAMED REDZA/BH]



Abdul Shukor (tengah), bersama Penyanggah Kursi Felo Utama Kajian Fatwa Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Sheikh Muhammad Muhammad 'Awwamah (dua dari kanan); Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Kamal Amran Kamarudin (kanan); Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd Hanefah (dua dari kiri) dan Pengarah INFAD, Profesor Madya Dr. Irwan Mohd Subri pada Seminar Fatwa Antarabangsa di USIM, Nilai.

Kaji keadaan sebelum keluar fatwa

→ Mufti perlu turun padang, bukan hanya berdasarkan pembacaan

Oleh Ziauddin Sharuddin
zia@bh.com.my

► Bandar Baru Nilai

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin, menasihati mufti supaya menjadikan keadaan umat Islam di negara ini sebagai kriteria utama sebelum mengeluarkan fatwa mengenai sesuatu perkara.

Katanya, fatwa mengenai sesuatu perkara yang sama di luar negara, tidak semestinya sesuai untuk umat Islam di negara ini.

"Sebagai contoh, mufti tidak boleh membuat keputusan bahawa sesuatu perkara itu adalah bidaah, berdasarkan fatwa yang sama di luar negara," katanya selepas merasmikan Seminar Fatwa Antarabangsa di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Beliau turut mengambil contoh

penggunaan vaksin atau ubat tertentu yang menimbulkan subahat atau keraguan menyebabkan di negara lain mungkin tidak digunakan.

Melihat keadaan sebenar

Bagaimanapun, katanya, jika vaksin atau ubat itu adalah satu-satu cara yang boleh menyelamatkan nyawa manusia, fatwa boleh dikeluarkan untuk membenarkan penggunaan vaksin atau ubat berkenaan.

"Mufti perlu melihat keadaan sebenar di sekeliling mereka atau turun padang dan bukan hanya berdasarkan pembacaan atau menggunakan kitab lama apabila mengeluarkan fatwa," katanya.

Sementara itu, katanya, pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah yang diikuti umat Islam di negara ini, berjaya mengelakkan pergaduhan atas dasar agama seperti yang berlaku di sesetengah negara Islam lain.

"Sejak Islam datang ke negara ini, Ahli Sunah Wal Jamaah menjadi pegangan kita. Oleh kerana terdapat kesatuan dalam pemikiran agama, keadaan politik di negara ini adalah baik, berbanding pergaduhan politik yang menggunakan agama di tempat lain," katanya.

Katanya, mazhab Syafie yang diikuti umat Islam di sini bersifat pragmatik dengan boleh mengikut mazhab lain seperti Hanafi, Hambali dan Maliki, jika ada hukum dalam mazhab Syafie yang kurang sesuai diamalkan.

Sebagai contoh mengikut mazhab Syafie, katanya, zakat fitrah dibayar menggunakan beras, tetapi di negara ini, wang diterima kerana kecekapan pentadbir agama Islam yang menggunakan hukum mazhab lain, tetapi dilaksanakan secara bijaksana, iaitu mendapat perkenan Sultan atau Raja di negeri berkenaan.

Fakta
nombor

116 PESERTA

Seminar Fatwa Antarabangsa

96 KERTAS KERJA
dibentang pada seminar

Perbezaan antara negeri cetus konflik

Bandar Baru Nilai: Peranan Majlis Fatwa Kebangsaan bukan sahaja perlu dimantapkan, malah bidang kuasa institusi ini perlu diperluaskan sehingga mampu mengawal selia proses mengeluarkan fatwa setiap negeri.

Ini berikutan berlaku perbezaan fatwa antara negeri di Malaysia kerana kuasa untuk memutuskan fatwa tertakluk kepada negeri.

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dr. Luqman Abdullah, berkata Perlembagaan hanya mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi, tetapi terdapat pembahagian kuasa antara Kerajaan Pusat dan negeri berhubung bidang kuasa terhadap Islam.

Katanya, perbezaan antara negeri juga dapat dilihat dari segi kaedah fatwa seperti kebanyakan

negeri menekankan penggunaan mazhab Syafie, tetapi ada negeri lain yang hanya berasaskan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah tanpa terikat kepada mana-mana mazhab.

Memainkan peranan penting

"Keadaan ini menyebabkan banyak konflik fatwa berlaku dalam menangani sesuatu isu, termasuk pengharaman merokok," katanya ketika membentangkan kertas kerja 'Isu Perbezaan Fatwa di Malaysia: Satu Tinjauan' di Seminar Fatwa Antarabangsa di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Kertas kerja pada hari pertama seminar itu dihasilkan bersama calon Ijazah Doktor Falsafah Universiti Malaya, Muhammad Ikhlas Rosele.

Dr. Luqman berkata, peranan Majlis Fatwa Kebangsaan adalah terhad walaupun institusi itu memainkan peranan penting di negara ini.

Katanya, Majlis Fatwa Kebangsaan berperanan menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa terhadap perkara yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja atau Majlis Agama Islam Negeri.

Sehubungan itu, katanya, penambahan perlu dilakukan termasuk mengkaji semula Perlembagaan yang memberi hak eksklusif kepada negeri dalam urusan agama.

Katanya, kaedah penentuan dan penyelidikan fatwa juga perlu diselaraskan, manakala Majlis Fatwa Kebangsaan perlu mempunyai kuasa untuk mengawal selia proses pengeluaran fatwa setiap negeri.

Info

→ Perbezaan fatwa mengenai pelantikan hakim wanita
→ Kelantan dan Kuala Lumpur: Harus
→ Pulau Pinang dan Kedah: Tidak boleh